



JULIANA merawat Qaireen yang terlantar di rumahnya di Taman Industri Sri Sulong akibat paru-paru kirinya rosak.

Derita bayi lemas ketika dilahirkan

Batu Pahat: “Doktor mengatakan anak saya akan membesar menjadi orang kurang upaya (OKU) kerana lemas ketika proses kelahiran,” kata Juliana Mohd Sapuan, 35, ibu kepada kanak-kanak berusia 17 bulan yang kini terlantar di rumahnya di Taman Industri Sri Sulong di sini.

Beliau berkata, Qaireen Aryana Armeen yang turut ditebuk pada bahagian leher dan perut mengalami kerosakan paru-paru kiri selain salah satu saluran pernafasannya tertutup menyebabkan dia tidak boleh melepaskan topeng oksigen dan perlu memakainya setiap masa.

“Paru-paru kirinya akan mengambil masa yang lama untuk sembuh dan dia pun tidak seperti kanak-kanak sebayanya kerana tidak dapat berjalan selain terlantar setiap masa.

“Pembedahan pada usianya yang masih bayi tidak boleh dilakukan kerana risikonya tinggi dan sebab itu selagi belum mencapai tahap memuaskan, anak saya perlu bergantung kepada bantuan alat pernafasan,” katanya ditemui pada Program Menyusur Akar anjuran Pusat Khidmat Ahli Parlimen Parit Sulong, kelmarin.

Program itu disertai Ahli Parlimennya, Datuk Dr Noraini Ahmad.

Juliana berkata, Qaireen Aryana hanya boleh meminum susu khas pada harga yang mahal.

Katanya, anaknya itu tidak boleh ditinggalkan dan perlu penjagaan yang

rapi setiap masa oleh mereka sekeluarga.

“Kami juga perlu ke Hospital Serdang, Selangor setiap bulan bagi pemeriksaan alat pernafasan yang digunakannya, adakah berfungsi dengan baik atau tidak.

“Selain itu, kami juga perlu ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) Batu Pahat untuk pemeriksaan rutin anak bongsu saya ini setiap minggu,” katanya.

Juliana yang bekerja sebagai pembantu tadbir di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkata, perbelanjaan bulanan anaknya itu mencecah RM500 sebulan dan suaminya, Armean Mohd Mokhtar, 38, pula bekerja sendiri sebagai pengimpal.

Katanya, mereka yang mahu menyampaikan sumbangan boleh melakukannya melalui akaun Maybank Juliana Mohd Sapuan 151427142904 atau menghubunginya di talian 012-7938485.

Dalam pada itu, Noraini berkata, pihaknya akan berurusan dengan JKM dan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) untuk tindakan selanjutnya.



Kami juga perlu ke Hospital Serdang, Selangor setiap bulan bagi pemeriksaan alat pernafasan yang digunakannya, adakah berfungsi dengan baik atau tidak”

Juliana